



UMS bantu pelajar dapatkan rumah sewa elak ditipu

Oleh **Izwan Abdullah** - Oktober 5, 2022 @ 6:13pm
bhnews@bh.com.my



Universiti Malaysia Sabah

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menasihatkan pelajarnya yang ingin menyewa bilik atau rumah supaya menggunakan kemudahan disediakan pihak universiti bagi mengelak menjadi mangsa penipuan atau 'scammer'.

Ia susulan laporan mengenai beberapa pelajarnya menjadi mangsa 'scammer' yang menawarkan rumah sewa tidak wujud bagi mendapatkan bayaran deposit sebelum menghilangkan diri.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kasim Mansor, berkata pelajar UMS boleh merujuk kepada Pusat Pengurusan Non Residen dan Fasiliti Perumahan Pelajar (PNRF) UMS bagi sebarang urusan yang berkaitan dengan rumah sewa.

Katanya, maklumat mengenai rumah sewa yang sah juga boleh diperolehi melalui laman web <https://rumahsiswa.mohe.gov.my/> bagi memudahkan pelajar yang mencari rumah sewa.

"Sebarang maklumat lanjut berhubung rumah sewa, pelajar UMS boleh menghubungi PNRF di talian 088-320000 sambungan 205500 atau melalui emel pnrf@ums.edu.my.

"Pemilik rumah di sekitar UMS yang berminat untuk menyewakan rumah atau bilik kepada pelajar juga boleh berhubung dengan PNRF UMS agar pihak kami dapat mengenal pasti dan mengesahkan yang penyewa bukanlah 'scammer'," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Kasim turut mengingatkan pelajar yang mencari rumah sewa sendiri supaya terlebih dahulu membuat semakan dan memeriksa rumah sebelum membuat bayaran deposit bagi mengelak ditipu.

Katanya, ia juga bagi memastikan rumah sewa berkenaan memenuhi keperluan minimum ditetapkan seperti penyediaan bekalan elektrik, air, kipas, tandas dan dapur.

"Kita tidak mahu penyewa mengambil kesempatan dengan menyediakan kemudahan yang tidak sesuai dan tidak lengkap yang akan menyusahkan pelajar kita nanti," katanya.

Beliau berkata, pelajar perlu sentiasa berwaspada terhadap taktik 'scammer' yang menawarkan rumah sewa di sekitar kampus UMS yang giat dipromosikan menerusi media sosial.

"Isu ini timbul apabila pelajar mula kembali ke kampus untuk meneruskan kaedah pengajian secara bersemuka selepas semester dibuka. Peluang inilah yang diambil mereka (scammer) untuk mengaut keuntungan," katanya.

Semalam, polis Kota Kinabalu menahan seorang wanita berumur 39 tahun selepas dikesan melakukan penipuan dengan menawarkan rumah sewa yang tidak wujud kepada pelajar melalui Facebook.

Sehingga kini, dilaporkan 10 pelajar UMS yang mencari rumah sewa menjadi mangsa penipuan dengan kerugian mencecah RM30,000.